



TIP PENCEGAHAN KOMPUTER

Opps! Komputer Saya Diserang Virus Komputer



Pada keluaran November 2013 yang lalu, adik-adik telah belajar mengenai Penyebaran Virus Komputer. Virus komputer ialah sejenis program parasit yang tertanam di dalam salah sebuah perisian atau program bertujuan merosakkan sistem operasi dan menyebabkan komputer tidak boleh berfungsi dengan baik. Jom kita belajar cara-cara untuk mencegahnya dari memasuki komputer:

1 Perisian antivirus.

Komputer adik-adik perlulah mempunyai satu perisian antivirus seperti Kaspersky, Avira, Avast, AVG, McAfee, dan Bitdefender yang dapat berfungsi untuk mengesan, menghalang dan menghapuskan virus yang ingin memasuki ataupun yang berada di dalam komputer. Adik-adik perlu memastikan antivirus dikemas kini selalu bagi mengurangkan risiko diserang virus.

2 Perisian Firewall.

Ia adalah satu program yang dapat menapis dan menyekat maklumat-maklumat yang jahat daripada terus memasuki komputer. Dalam dunia siber, Firewall diandaikan seperti dinding batu yang dicipta khas untuk melindungi komputer adik-adik dari komputer-komputer lain supaya data-data bahaya tidak masuk terus ke komputer. Tanpa firewall penggodam atau hacker yang ada pada jaringan boleh menghancurkan, merosakkan dan mendapatkan akses ke dalam file komputer. Adik-adik tidak perlu risau untuk memasangnya pada komputer kerana kebanyakan sistem operasi komputer telah disertakan sekali dengan perisian firewall yang mudah dengan hanya mengaktifkannya.

3 Elakkan membuka pautan laman web yang dicurigakan keselamatannya.

Adik-adik dinasihatkan untuk tidak membuka sebarang pautan yang ditujukan khas kepada adik-adik semasa melayari internet. Sekiranya adik-adik menekan pautan dan melayari laman web yang tidak berkenaan, adalah dibimbangi mereka yang berniat jahat akan menghantarkan virus tersebut kepada komputer adik-adik tanpa disedari.

4 Elakkan memuat turun sebarang fail, dokumen, aplikasi atau program yang tidak dikenal pasti di dalam komputer.

Gambar, muzik, video dan pelbagai jenis fail boleh dimuat turun dari internet, tetapi fail tersebut mungkin mengandungi program jahat. Adik-adik dinasihatkan untuk tidak memuat turun sebarang file yang mencurigakan dan tidak dikenal pasti bagi mengelak virus, worm, spyware dan trojan memasuki komputer. Pastikan adik-adik memuat turun file daripada laman web yang boleh dipercayai. Lakukanlah pengimbasan virus sebelum menggunakan fail yang dimuat turun.

5 Imbas (scan) hard disk, flashdisk, pendrive dan bersihkan sekiranya virus dijumpai.

Jika adik-adik mahu menggunakan pendrive, flash drive dan hard disk di dalam komputer, pastikan ianya diimbas (scan) terlebih dahulu sebelum membukanya. Jadualkan untuk mengimbas komputer setiap hari bagi mengesan virus.

6 Elakkan membuka lampiran e-mel daripada penghantar yang tidak dikenal pasti.

Jika adik-adik menerima lampiran e-mel daripada punca yang tidak dapat dikenal pasti, adik-adik haruslah membiar dan tidak membuka e-mel tersebut kerana dikhawatir mereka yang berniat jahat akan menghantarkan virus kepada komputer adik-adik. Jangan buka sebarang lampiran sehingga benar-benar pasti apa isi kandungannya. Sentiasa lakukan pengimbasan virus sebelum membuka lampiran.

7 Sentiasa membuat salinan (back-up) bagi komputer dan dokumen penting.

Data yang dirosakkan oleh virus, tidak boleh diperbaiki oleh perisian antivirus. Untuk pulih daripada kerosakan jangkitan virus, jadikanlah satu tabiat harian untuk membuat salinan data. Selain menyimpan data ke dalam komputer, adik-adik juga bolehlah menyimpan salinan data ke dalam pendrive atau pun external hard disk bagi mengelakkan data adik hilang dimakan dan dimusnahkan oleh virus. Dengan itu, adik tidak perlu risau lagi akan kehilangan fail atau data adik-adik jika virus datang menyerang komputer.

Kesimpulan

Virus yang menyerang komputer amatlah bahaya sekiranya dibiaran merebak di dalam komputer. Virus boleh masuk di dalam komputer pada bila-bila masa sahaja jika adik-adik tidak berhati-hati semasa menggunakanannya. Oleh itu, adik-adik bolehlah mengamalkan tip Pencegahan virus komputer ini dengan meminta bantuan orang dewasa.